

# Aplikasi Aduan Potholes DBKL terima 271 aduan

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima 271 aduan berhubung jalan rosak dalam tempoh dua hari sehingga semalam, selepas talian aduan melalui aplikasi WhatsApp dikenali sebagai 'Aduan Potholes DBKL' dilancarkan Khamis lalu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mahadi Che Ngah, berkata aplikasi bagi kemudahan orang ramai membuat aduan atau menyalurkan maklumat berkaitan kerosakan jalan raya di ibu kota itu bagi membantu DBKL membaiki segera kerosakan itu berdasarkan maklumat orang ramai, sekali gus menjadikan ibu negara bebas daripada jalan berlubang.

"Aduan Potholes DBKL ini diwujudkan demi keselamatan pengguna jalan raya berikutan banyak kes kemalangan dilaporkan berlaku sejak beberapa minggu ini berpunca daripada jalan berlubang di atas jalan raya," katanya.

Beliau menasihati pengguna yang memilih menggunakan saluran 'Aduan Potholes DBKL - 011 62396652 <https://wa.link/job-dg3>' itu menyatakan lokasi tepat jalan rosak bagi membolehkan tindakan segera diambil.

Katanya, DBKL akan menghantar pasukan baik pulih dengan segera jika maklumat

disalurkan tepat dan penilaian juga dapat dikenal pasti sama ada jalan itu di bawah DBKL atau konsesi.

"Bagi jalan berlubang yang saiznya kurang satu meter persegi, tindakan akan diambil dalam tempoh 24 jam daripada aduan diterima," katanya.

Selain aplikasi itu, DBKL juga mempunyai pelbagai saluran bagi orang awam memanjangkan aduan berkaitan jalan berlubang, antaranya melalui laman web aduan ISPAAA, Hotline DBKL (pusat panggilan), Biro Pengaduan Awam, Aplikasi i-Tegur (KPKT), e-mel, telefon, bersurat selain aduan bersemuka melalui Pejabat-Cawangan DBKL.

Katanya, sejumlah 11,979 kerosakan jalan direkodkan termasuk jalan berlubang sepanjang 2020 dengan keseluruhannya diambil tindakan pembaikan oleh DBKL.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 7,735 kes dikesan melalui rondaan proaktif DBKL sendiri, manakala 4,244 lagi adalah melalui aduan awam," katanya.

Mahadi berkata, terdapat pelbagai faktor menyebabkan masalah jalan berlubang antaranya projek pembangunan, korekan utiliti dan kegagalan struktur reka bentuk jalan disebabkan pertambahan jumlah trafik.

BERNAMA